

YBrs. Prof. Dr. Asnaini M. A.**29 Julai 2025**

Ketua Lembaga Penjaminan Mutu
Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu
Jln. Raden Fateh, Bengkulu Indonesia
(u./p.: Dr. Yosy Arisandy)
Ketua Program Studi Master (S2) Ekonomi Syariah
Pascasarjana UIN Fatmawati Sukarno Bengkulu

Prof.,

**JEMPUTAN KERJASAMA PENYELIDIKAN BAGI PROJEK KAJIAN
“PEMBANGUNAN MODEL KOMUNITI DIGITAL MASJID SEBAGAI MEKANISME
PENGUPAYAAN MODAL INSAN BAGI GOLONGAN WARGA EMAS DALAM
MASYARAKAT MADANI”**

Dengan hormat dan sukacitanya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah saya, **Dr. Mohd Hisyam bin Abdul Rahim**, sebagai Ketua Penyelidik bagi geran seperti yang dinyatakan di atas dengan ini, mempelawa pasukan penyelidik dari UIN Fatmawati Sukarno Bengkulu untuk bekerjasama dalam menjayakan penyelidikan tersebut. Tempoh penyelidikan adalah selama **24 bulan** (2 tahun) manakala sinopsis kajian adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Semoga dengan kerjasama ini kelak, segala *Key Performance Indeks (KPI)* penyelidikan dapat dicapai dengan mudah dan jayanya. Selain itu, diharapkan daripada kolaborasi ini dapat meningkatkan usaha pengantarabangsaan kedua-dua institusi khususnya dan mempromosi kerjasama strategik dari kedua-dua belah negara amnya.

Segala perhatian dan pertimbangan baik dari pihak Prof. amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”**

Yang benar,

**DR. MOHD HISYAM BIN ABDUL RAHIM**

Ketua Penyelidik
FRGS 2025-1
Application ID 554062-568302
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia